

Headline **Selangor giat promosi 10 Keajaiban Keindahan**
Date **22 Feb 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **3**
Article Size **116 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,582**
PRValue **4,745**



Selangor giat promosi 10 Keajaiban Keindahan

SHAH ALAM: Majlis Tindakan Pelancongan Selangor (Tourism Selangor) kini giat mempromosikan kempen 'Selangor Shine' yang mengentengahkan produk pelancongan digelar 10 Keajaiban Keindahan di Selangor bagi menarik kehadiran lebih ramai pelancong dalam dan luar negara ke negeri itu.

Pengurus Perhubungan Awam dan Promosinya, Md Saad Mahsah, berkata kempen itu bukan seperti program pelancongan Tahun Melawat Selangor yang hanya dilakukan untuk tahun tertentu, sebaliknya Selangor Shine dengan tagline 'Selangor has more' itu adalah usaha berterusan menarik lebih ramai pelancong ke Selangor dan berkunjung ke 10 ikon yang mesti dilawati di negeri itu.

Katanya, program yang dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar negeri, Elizabeth Wong pada 21 Disember lalu itu memberi fokus kepada 10 kategori produk pelancongan di Selangor.

"Bertujuan untuk mengubah persepsi penduduk Selangor mengenai produk pelancongan yang ada, Tourism Selangor giat mengentengahkan 10 kategori berkenaan iaitu pelancongan pertanian, pelancongan alam sekitar, homestay, pelancongan sukan serta pelancongan perubatan dan kesihatan.

"Selain itu, pelancongan pendidikan, produk persidangan, mesyuarat dan konvensyen, produk beli-belah dan makanan, taman tema serta kebudayaan dan sejarah," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Md Saad berkata, persepsi tempat pelancongan di Selangor boleh dilawati pada bila-bila masa harus dikikis masyarakat terutama yang tinggal di Lembah Klang, kerana walaupun Selangor terkenal sebagai negeri maju, ia sebenarnya mempunyai pakej lengkap dan menarik untuk percutian bersama teman dan keluarga.

Katanya, 10 ikon yang dipilih mewakili 10 kategori produk pelancongan itu ialah Batu Caves yang terkenal dengan sambutan Thaipusam saban tahun, taman tema Sunway Lagoon yang selama ini berjaya menarik kedatangan 1.3 juta pelancong dan biara Buddha Dong Zeng di Kuala Langat.

Selain itu, Galeri Diraja yang menghimpunkan sejarah Kesultanan Selangor, Hutan Rekreasi Kanching, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), kelip-kelip di Kuala Selangor, Bukit Melawati, Masjid Negeri yang juga mendapat jolokan Masjid Biru di Shah Alam, dan ikon pelancongan terkini, Sepang Goldcoast yang kelihatan seperti Palm Jumeirah di Dubai.